

Pelajar PACE UUM laksana Program Jalinan Kasih

UB 21.06.2023 P.06

Oleh Kennedy Cortleus

KOTA KINABALU: Pelajar Pusat Pendidikan Profesional Dan Lanjutan (PACE) Universiti Utara Malaysia (UUM) mengadakan Program Jalinan Kasih Bersama Komuniti Kampung Kobuni iaitu sebuah aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti.

Aktiviti berkenaan lebih ke arah tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan dirasmikan oleh Pensyarah PACE UUM Prof. Madya Dr. Muhammad Idris Bahari.

Program itu juga mendapat kerjasama padu serta sokongan sepenuhnya daripada masyarakat Kampung Kobuni dan Klinik Kesihatan Inanam.

Ia bertujuan memberi penerangan berkaitan tahap kesihatan mental dan mempertingkatkan budaya

pemakanan seimbang yang disampaikan oleh Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Kota Kinabalu diketuai oleh Dr. Adha Mohammad Razif bersama pegawai perubatan yang bertugas.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya khidmat nasihat oleh PKK, gotongroyong bersama penduduk di sekitar kampung, pertandingan mewarna kanak-kanak, bantuan bakul makanan, cadutan bertuah, dan kuiz kesihatan.

Selain pertandingan dan aktiviti, turut diadakan pemeriksaan kesihatan percuma sempena program itu yang mendapat sambutan menggalakkan.

Muhammad yang juga Timbalan Dekan (Penyelidikan Dan Inovasi) Fakulti Penyelidikan Psikologi dan



CENDERAHATI: Yasmin (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Muhammad (kanan) selepas merasmikan Program Jalinan Kasih Bersama Komuniti Kampung Kobuni.

Kesihatan Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam ucapannya berkata, Program Jalinan Kasih yang diadakan itu bukan suatu program yang baharu di PACE UUM.

Namun katanya, ia sudah lama dilaksanakan melalui pendekatan berbeza di bawah subjek Pembangunan Masyarakat atau lebih dikenali sebagai VKMB.

Menurutnya, pelaksanaan program itu dengan pendekatan yang berbeza menerusi kolaboratif bersama entiti atau organisasi seperti mana yang dilaksanakan oleh pelajar pada hari ini, mendapat sambutan daripada komuniti kampung.

"Saya percaya program ini sangat bermakna dan diyakini memberi manfaat kepada semua komuniti kampung

Kobuni Inanam.

"Program ini adalah langkah strategik dalam membudayakan nilai-nilai murni dan meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan warga pelajar PACE UUM, bagi mewujudkan kesedaran serta tanggungjawab sosial bersama komuniti.

"Diharapkan program seumpama ini dapat menimbulkan rasa ingin membantu masyarakat setempat secara sukarela dan seterusnya, membina imej warga PACE UUM yang dinamik, peka dan mempunyai semangat kebersamaan," katanya.

Beliau turut berharap semangat kesepakatan dan kerjasama akan diteruskan sekali gus menjadi budaya warga pelajar PACE UUM dalam memberikan yang

terbaik kepada komuniti setempat.

Pengarah Program Yasmin Dawani menyifatkan program yang diadakan itu amat bersejarah kepada pelajar PACE UUM yang pertama kali menyertainya.

Ini kerana katanya, kebanyakan pelajar PACE UUM Kampus KK terdiri daripada kalangan penjawat awam seperti polis, kastam dan imigresen.

Turut hadir, Ketua Kampung Kobuni Aji Rombuton; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Kobuni Emalia Rabin; Ahli Jawatankuasa (AJK) Kampung Kobuni; AJK Pelajar PACE UUM serta sekitar seramai 100 peserta program.



KENANGAN: Komuniti yang terlibat merakamkan gambar kenangan bersama pelajar PACE UUM sejeurus selesai program.